


# Pustakawan Meja Rujukan Dan Informasi

Oleh: Anita Arsad



Anda Musykil? kami leraikan kemasukilan Anda...

Jika anda menghadapi masalah dalam mendapatkan maklumat dan sumber maklumat sila rujuk Pustakawan yang ditempatkan di meja rujukan (Aras Bawah), Perpustakaan UMS.

Pengguna boleh berbincang dengan Pustakawan yang bertugas untuk mendapatkan panduan berkenaan kaedah pencarian bahan yang sesuai dengan keperluan pengguna. Pustakawan akan mengenalpasti keperluan sebenar pengguna sebelum mencadangkan beberapa sumber maklumat yang boleh digunakan. Pensyarah dan Pelajar Pasca Siswazah boleh meminjam bahan rujukan selama 3 hari dengan kelulusan Pustakawan.

Bagi pengguna yang berminat untuk mengetahui strategi pencarian bahan yang lebih berkesan dan efektif adalah dialu-alukan untuk mengikuti Kelas Literasi Maklumat. Di dalam kelas ini, pengguna akan diberi bimbingan khusus mengenai kemahiran pencarian maklumat yang merangkumi kebolehan mencari dan memperoleh maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif. Kemahiran Literasi Maklumat amat diperlukan untuk tujuan akademik, terutamanya

bagi menyediakan kertas projek dan penyelidikan.

Pustakawan akan mengendalikan kelas mengikut jadual yang telah ditetapkan ataupun mengikut permintaan pengguna. Kelas terdiri daripada 3 modul iaitu *teknik pencarian bahan menggunakan WebOpac*, *teknik pencarian maklumat menggunakan sumber elektronik langganan Perpustakaan dan enjin pencarian di Internet* dan *teknik pencarian bahan menggunakan sumber rujukan bercetak*. Dengan mengikuti kelas ini, pengguna berpeluang mempraktikkan teknik pencarian maklumat dengan bimbingan pustakawan.